

**Mahathir ulangi - 'DAP parti perkauman'**  
**Malaysiakini.com**  
**April 22, 2011**

Mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mempertahankan bidasannya bahawa DAP adalah 'parti politik perkauman'.

Sambil memperakui bahawa BN adalah penyelesaian masalah pelbagai kaum di negara ini, hujahnya meskipun Umno, MCA dan MIC adalah parti-parti berasaskan kaum, namun mereka bertanding bukan atas nama masing-masing tetapi atas tiket Perikatan ataupun BN.

"Sebagai anggota gabungan pelbagai bangsa mereka tidak boleh memperjuangkan hanya kepentingan Melayu, Cina dan India sahaja. Mereka telah bergabung menjadi satu entiti politik dan perjuangan mereka adalah bagi semua kaum entiti itu.

"Parti-parti berasaskan kaum itu bekerjasama demi kepentingan ahli-ahli semua bangsa dan hilang ciri-ciri perkauman mereka," kata Mahathir di blognya hari ini.

Mantan perdana menteri yang berkuasa 22 tahun di Malaysia pada tulisan di blognya sebelum ini secara sinis mengucapkan 'tahniah' kepada DAP kerana berjaya 'membawa politik perkauman' di Sarawak dengan memenangi 12 daripada 15 kerusi yang ditandinginya pada pilihan raya negeri yang lalu.

Dalam bahagian kedua tulisannya yang berjudul 'Kemenangan di Sarawak II', Mahathir bertegas meskipun DAP mendakwa mereka adalah parti pelbagai etnik, tetapi "semua orang tahu siapa mereka sebenarnya".

"Setiap kali saya sebut DAP adalah parti perkauman, hujah basi mereka Umno juga parti perkauman, malah lebih teruk dari DAP...

"DAP, seperti (parti pemerintah Singapura) Parti Tindakan Rakyat mendakwa sebagai mewakili pelbagai bangsa tetapi semua orang tahu sebahagian besar ahli, penyokong dan pemimpin mereka adalah orang Cina.

"Dan perjuangan mereka secara prinsipnya menentang Melayu dan apa yang mereka dakwa sebagai hak Cina," kata Mahathir.